KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **23 Februari 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 23/2/2026
M/SURAT: 4

**Ops Pantau 2026**

# KPDN gerak lebih 2,400 pegawai penguat kuasa

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menggerakkan lebih 2,400 pegawai penguat kuasa untuk pelaksanaan Ops Pantau 2026 bagi memastikan tiada manipulasi harga atau bekalan sepanjang Ramadan hingga menjelang Aidilfitri.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam, berkata operasi dari 19 Februari hingga 20 Mac bertujuan memastikan ekosistem perdagangan kekal stabil dan adil dengan operasi tertumpu di lokasi seperti bazar Ramadan dan Aidilfitri, pasar awam, pasar raya dan pasar tani.

Beliau berkata, antara fokus operasi ialah pematuhan tanda harga, kestabilan harga dan bekalan dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali memberi amaran tindakan 24 jam terhadap peniaga gagal meletakkan tanda harga yang jelas.

"Bagi aspek kestabilan harga dan bekalan, sehingga kini tiada laporan meluas mengenai kenaikan harga melampau atau isu bekalan serius tetapi pemantauan rapi diteruskan bagi mencegah aktiviti pencatutan," katanya.

## Fokus lokasi tumpuan

Azman berkata, kehadiran pegawai penguat kuasa di lapangan atau *omnipresence* juga fokus utama dalam Ops Pantau 2026 membabitkan lokasi tumpuan dan strategik untuk memastikan peniaga sentiasa mematuhi peraturan dan beretika selain dapat meyakinkan pengguna.

Selain itu, beliau berkata, KPDN turut memantau kepatuhan harga di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2026, membanteras aktiviti pencatutan dan pemeriksaan tanda harga serta ketepatan alat timbang dan sukat bagi melindungi hak pengguna daripada dimanipulasi.


*Azman Adam*

Azman berkata, KPDN akan memastikan kempen jualan murah atau promosi juga sahih dan tidak mengelirukan, selain mengekang penjualan barang tiruan atau cetak rompak di bazar.

"Aspek pemantauan dalam talian turut dilaksanakan dengan kami memantau platform e-dagang bagi memastikan tiada iklan palsu atau manipulasi harga secara digital," katanya.

Beliau berkata, KPDN telah melaksanakan 2,830 pemeriksaan dengan 34 kes dihasilkan setakat semalam menerusi Ops Pantau 2026, manakala pada tahun lalu operasi sama membabitkan 70,906 pemeriksaan dan 390 kes.

Azman menggesa orang ramai menjadi mata dan telinga melalui kempen KITA GEMPUR dengan memaklumkan KPDN sekiranya berlaku salah laku berhubung ketidakpatuhan melalui saluran ditetapkan.

"KPDN tidak mengambil mudah sebarang aduan dan menggesa orang ramai untuk terus melaporkan salah laku demi melindungi pengguna," katanya.

Beliau berkata, aduan boleh disalurkan menerusi WhatsApp 019-848 8000, pusat panggilan 1-800-886-800, e-mel kepada e-aduan@kpdn.gov.my atau aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.

BERNAMA

Harian Metro
HARI: ISNIN
TARIKH: 23/2/2026
M/SURAT: 25



PEMATUHAN undang-undang seperti tanda harga, timbangan, label halal dan larangan penjualan barangan tiruan amat ditekankan KPDN.

# 2,400 penguat kuasa pantau pematuhan

**Kuala Lumpur:** Tiada kompromi berikutan semua peniaga Bazar Ramadan wajib mempamerkan harga kuih-muih, juadah makanan dan barangan dijual kepada pelanggan.

Ketua Pengarah Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Putrajaya, Datuk Azman Adam berkata, tiada alasan bagi peniaga sengaja ingkar atau gagal mematuhi syarat ditetapkan itu.

Menurutnya, pematuhan undang-undang seperti tanda harga, timbangan, label halal dan larangan penjualan barangan tiruan amat ditekankan KPDN.

"Ini termasuk isu kebersihan, tarikh luput makanan dan pengendalian makanan dipantau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian Kesihatan.

"Tanda harga juadah dijual di bazar Ramadan wajib dipamer di gerai masing-masing. Ini bertujuan membantu pengguna dalam membuat perbandingan harga, pilihan serta membeli mengikut kemampuan kewangan masing-masing," katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhannya, majoriti peniaga mematuhi peraturan tanda harga ditetapkan KPDN.

"Walau bagaimanapun, masih ada segelintir kecil peniaga yang dikesan ingkar. Secara keseluruhan, tahap pematuhan tinggi ditunjukkan peniaga.

"Ini didorong inisiatif PBT dan penganjur bazar yang proaktif mengadakan sesi libat urus serta taklimat undang-undang kepada peniaga bazar sebelum bermulanya Ramadan," katanya.

Beliau berkata, KPDN melalui Bahagian Penguat Kuasa secara rasminya melancarkan Ops Pantau 2026 di seluruh negara bermula 19 Februari lalu sehingga 20 Mac hadapan.

"Ini langkah proaktif kami bagi memastikan ekosistem perdagangan kekal stabil dan adil sepanjang bulan Ramadan sehingga menjelang Aidilfitri.

"Seramai lebih 2,400 pegawai penguat kuasa KPDN akan dikerah ke lokasi tumpuan rakyat seperti bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar raya, dan pasar tani. Keberadaan fizikal pegawai kami di lapangan adalah untuk memberi keyakinan kepada pengguna," katanya.

> **"Penjualan barangan dalam talian turut dipantau KPDN. Ia melalui pemantauan platform e-dagang bertujuan memastikan tiada iklan palsu atau manipulasi harga secara digital"**
>
> *Azman Adam*

Menurutnya, Ops Pantau 2026 merangkumi aspek kritikal termaktub di bawah undang-undang dikuatkuasakan KPDN iaitu memastikan barangan asas seperti gula, minyak masak, ayam, telur dan tepung gandum sentiasa mencukupi di pasaran.

"KPDN akan memantau isu kestabilan harga. Antaranya kepatuhan harga di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2026 dan membanteras aktiviti pencatutan.

"Selain itu KPDN akan memantau pematuhan tanda harga serta ketepatan alat timbang dan sukat bagi melindungi hak pengguna daripada dimanipulasi," katanya.

Azman berkata, dari sudut integriti jualan, KPDN akan memastikan kempen jualan murah atau promosi dilakukan secara jujur dan tidak mengelirukan, selain mengekang penjualan barang tiruan.

"Penjualan barangan dalam talian turut dipantau KPDN. Ia melalui pemantauan platform e-dagang bertujuan memastikan tiada iklan palsu atau manipulasi harga secara digital.

"Sebagai perbandingan melalui Ops Pantau 2025 yang lalu, sebanyak 70,906 pemeriksaan dijalankan dengan 390 kes diambil tindakan. Bagi Ops Pantau 2026, KPDN merekodkan sebanyak 2,830 pemeriksaan dengan 34 kes diambil tindakan sehingga kini," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 23/2/2026
M/SURAT: 14

# KPDN gerak lebih 2,400 pegawai penguat kuasa

**Operasi di bazar Ramadan, Aidilfitri dan pasar seluruh negara dipertingkat menerusi Ops Pantau**

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menggerakkan lebih 2,400 pegawai penguat kuasa bagi pelaksanaan Ops Pantau 2026 untuk memastikan tiada manipulasi harga atau bekalan sepanjang Ramadan hingga menjelang Aidilfitri.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, operasi dari 19 Februari hingga 20 Mac bertujuan memastikan ekosistem perdagangan kekal stabil dan adil dengan operasi tertumpu di lokasi seperti bazar Ramadan dan Aidilfitri, pasar awam, pasar raya dan pasar tani.

Beliau berkata, antara fokus operasi ialah pematuhan tanda harga serta kestabilan harga dan bekalan. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, memberi amaran tindakan dalam tempoh 24 jam terhadap peniaga yang gagal meletakkan tanda harga yang jelas.

"Bagi aspek kestabilan harga dan bekalan, sehingga kini tiada laporan meluas mengenai kenaikan harga melampau atau isu bekalan serius, tetapi pemantauan rapi diteruskan bagi mencegah aktiviti pencatutan," katanya.

Azman berkata, kehadiran pegawai penguat kuasa di lapangan juga merupakan fokus utama dalam Ops Pantau 2026 yang melibatkan lokasi tumpuan dan strategik untuk memastikan peniaga sentiasa mematuhi peraturan dan beretika, selain dapat meyakinkan pengguna.

Selain itu, beliau berkata, KPDN turut memantau kepatuhan harga di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2026, membanteras aktiviti pencatutan serta menjalankan pemeriksaan tanda harga dan ketepatan alat timbang dan sukat bagi melindungi hak pengguna daripada dimanipulasi.

Azman berkata, KPDN akan memastikan kempen jualan murah atau promosi juga sahih dan tidak mengelirukan, selain mengekang penjualan barang tiruan atau cetak rompak di bazar.

"Aspek pemantauan dalam talian turut dilaksanakan dengan kami memantau platform e-dagang bagi memastikan tiada iklan palsu atau manipulasi harga secara digital," katanya.

Beliau berkata, KPDN telah melaksanakan 2,830 pemeriksaan dengan 34 kes dihasilkan setakat semalam menerusi Ops Pantau 2026, manakala pada tahun lepas operasi sama melibatkan 70,906 pemeriksaan dan 390 kes.

Azman menyeru orang ramai menjadi mata dan telinga melalui kempen KITA GEMPUR dengan memaklumkan KPDN sekiranya berlaku salah laku berhubung ketidakpatuhan melalui saluran yang ditetapkan.

"KPDN tidak mengambil mudah sebarang aduan dan menggesa orang ramai untuk terus melaporkan salah laku demi melindungi pengguna," katanya.

*- Bernama*

> Bagi aspek kestabilan harga dan bekalan, sehingga kini tiada laporan meluas mengenai kenaikan harga melampau atau isu bekalan serius."
>
> **- Azman**



# Over 2,400 officers deployed for Ops Pantau

**PUTRAJAYA:** More than 2,400 enforcement officers have been deployed nationwide under Ops Pantau 2026 to check for supply disruptions and prevent price manipulation throughout Ramadan and leading up to Hari Raya Aidilfitri.

The operation, spearheaded by its enforcement division, is aimed at ensuring a stable and fair trading ecosystem, said Domestic Trade and Cost of Living Ministry enforcement director-general Datuk Azman Adam.

He said Ops Pantau 2026 focuses on three key aspects – compliance with price-tag regulations, price and supply stability, and the visible presence of enforcement officers in the field.

On price-tag compliance, he said Minister Datuk Armizan Mohd Ali wants action to be taken within 24 hours against traders who fail to display clear and accurate price tags, stressing that such compliance is mandatory.

"In terms of price and supply stability, there have been no widespread reports of excessive price hikes or serious supply shortages so far. However, close monitoring continues to prevent profiteering," he said, Bernama reported.

Azman said the omnipresence of enforcement officers at strategic and high-density locations aims to ensure traders adhere to regulations and maintain ethical business practices.

"The physical presence of our officers not only reassures consumers but also serves as a firm reminder to traders to conduct business responsibly," he said.

As of Feb 21, a total of 2,830 inspections have been conducted, resulting in 34 cases recorded under Ops Pantau 2026. Under Ops Pantau 2025, a total of 70,906 inspections were carried out, leading to the recording of 390 cases.

He said the operation would also ensure an adequate supply of essential goods such as sugar, cooking oil, chicken, eggs and wheat flour.

Aside from verifying the authenticity of promotional campaigns and discount sales, his division would also monitor online commerce activities to prevent false advertising and digital price manipulation, Azman added.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 23/2/2026
M/SURAT: 4

# 2,400 pegawai penguat kuasa digerak laksana Ops Pantau 2026

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menggerakkan lebih 2,400 pegawai penguat kuasa bagi pelaksanaan Ops Pantau 2026 bagi memastikan tiada manipulasi harga atau bekalan sepanjang Ramadan hingga menjelang Aidilfitri.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata operasi dari 19 Feb hingga 20 Mac bertujuan memastikan ekosistem perdagangan kekal stabil dan adil dengan operasi tertumpu di lokasi seperti bazar Ramadan dan Aidilfitri, pasar awam, pasar raya dan pasar tani.

Beliau berkata antara fokus operasi ialah pematuhan tanda harga, kestabilan harga dan bekalan dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali memberi amaran tindakan 24 jam terhadap peniaga gagal meletakkan tanda harga yang jelas.

"Bagi aspek kestabilan harga dan bekalan, sehingga kini tiada laporan meluas mengenai kenaikan harga melampau atau isu bekalan serius tetapi pemantauan rapi diteruskan bagi mencegah aktiviti pencatutan," katanya kepada Bernama. Azman berkata kehadiran pegawai penguat kuasa di lapangan atau *omnipresence* juga fokus utama dalam Ops Pantau 2026 yang melibatkan lokasi tumpuan dan strategik untuk memastikan peniaga sentiasa mematuhi peraturan dan beretika selain dapat meyakinkan pengguna. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online
HARI: ISNIN
TARIKH: 23/2/2026
M/SURAT: 4

# Ops Pantau: KPDN gerak lebih 2,400 pegawai penguat kuasa

## Bagi memastikan tiada manipulasi harga atau bekalan sepanjang Ramadan hingga menjelang Aidilfitri

> “Bagi aspek kestabilan harga dan bekalan, sehingga kini tiada laporan meluas mengenai kenaikan harga melampau atau isu bekalan serius tetapi pemantauan rapi diteruskan bagi mencegah aktiviti pencatutan.”
>
> **Datuk Azman Adam**
> *Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN*

**PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menggerakkan lebih 2,400 pegawai penguat kuasa bagi pelaksanaan Ops Pantau 2026 bagi memastikan tiada manipulasi harga atau bekalan sepanjang Ramadan hingga menjelang Aidilfitri.**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, operasi dari 19 Februari hingga 20 Mac bertujuan memastikan ekosistem perdagangan kekal stabil dan adil dengan operasi tertumpu di lokasi seperti bazar Ramadan dan Aidilfitri, pasar awam, pasar raya dan pasar tani.

Beliau berkata, antara fokus operasi ialah pematuhan tanda harga, kestabilan harga dan bekalan dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali memberi amaran tindakan 24 jam terhadap peniaga gagal meletakkan tanda harga yang jelas.

“Bagi aspek kestabilan harga dan bekalan, sehingga kini tiada laporan meluas mengenai kenaikan harga melampau atau isu bekalan serius tetapi pemantauan rapi diteruskan bagi mencegah aktiviti pencatutan,” katanya kepada Bernama.

Azman berkata, kehadiran pegawai penguat kuasa di lapangan atau omnipresence juga fokus utama dalam Ops Pantau 2026 yang melibatkan lokasi tumpuan dan strategik untuk memastikan peniaga sentiasa mematuhi peraturan dan beretika selain dapat meyakinkan pengguna.

Selain itu, beliau berkata KPDN turut memantau kepatuhan harga di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2026, membanteras aktiviti pencatutan dan pemeriksaan tanda harga serta ketepatan alat timbang dan sukat bagi melindungi hak pengguna daripada dimanipulasi.

Azman berkata, KPDN akan memastikan kempen jualan murah atau promosi juga sahih dan tidak mengelirukan selain mengekang penjualan barang tiruan atau cetak rompak di bazar.

“Aspek pemantauan dalam talian turut dilaksanakan dengan kami memantau platform e-dagang bagi memastikan tiada iklan palsu atau manipulasi harga secara digital,” katanya.

Beliau berkata, KPDN telah melaksanakan 2,830 pemeriksaan dengan 34 kes dihasilkan setakat semalam menerusi Ops Pantau 2026 manakala pada tahun lepas, operasi sama melibatkan 70,906 pemeriksaan dan 390 kes.

Azman menyeru orang ramai menjadi mata dan telinga melalui kempen KITA GEMPUR dengan memaklumkan KPDN sekiranya berlaku salah laku berhubung ketidakpatuhan melalui saluran ditetapkan.

“KPDN tidak mengambil mudah sebarang aduan dan menggesa orang ramai untuk terus melaporkan salah laku demi melindungi pengguna,” katanya.

Beliau berkata aduan boleh disalurkan menerusi WhatsApp 019-848 8000, pusat panggilan 1-800-886-800, e-mel kepada e-aduan@kpdn.gov.my atau aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 23/2/2026
M/SURAT: 10

# Ops Pantau: KPDN gerak lebih 2,400 pegawai penguat kuasa

## Bagi memastikan tiada manipulasi harga atau bekalan sepanjang Ramadan hingga menjelang Aidilfitri

**PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menggerakkan lebih 2,400 pegawai penguat kuasa bagi pelaksanaan Ops Pantau 2026 bagi memastikan tiada manipulasi harga atau bekalan sepanjang Ramadan hingga menjelang Aidilfitri.**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam berkata, operasi dari 19 Februari hingga 20 Mac bertujuan memastikan ekosistem perdagangan kekal stabil dan adil dengan operasi tertumpu di lokasi seperti bazar Ramadan dan Aidilfitri, pasar awam, pasar raya dan pasar tani.

Beliau berkata, antara fokus operasi ialah pematuhan tanda harga, kestabilan harga dan bekalan dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali memberi amaran tindakan 24 jam terhadap peniaga gagal meletakkan tanda harga yang jelas.

> "Bagi aspek kestabilan harga dan bekalan, sehingga kini tiada laporan meluas mengenai kenaikan harga melampau atau isu bekalan serius tetapi pemantauan rapi diteruskan bagi mencegah aktiviti pencatutan."
>
> **Datuk Azman Adam**
> *Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN*

"Bagi aspek kestabilan harga dan bekalan, sehingga kini tiada laporan meluas mengenai kenaikan harga melampau atau isu bekalan serius tetapi pemantauan rapi diteruskan bagi mencegah aktiviti pencatutan," katanya kepada Bernama.

Azman berkata, kehadiran pegawai penguat kuasa di lapangan atau omnipresence juga fokus utama dalam Ops Pantau 2026 yang melibatkan lokasi tumpuan dan strategik untuk memastikan peniaga sentiasa mematuhi peraturan dan beretika selain dapat meyakinkan pengguna.

Selain itu, beliau berkata KPDN turut memantau kepatuhan harga di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) 2026, membanteras aktiviti pencatutan dan pemeriksaan tanda harga serta ketepatan alat timbang dan sukat bagi melindungi hak pengguna daripada dimanipulasi.

Azman berkata, KPDN akan memastikan kempen jualan murah atau promosi juga sahih dan tidak mengelirukan selain mengekang penjualan barang tiruan atau cetak rompak di bazar.

"Aspek pemantauan dalam talian turut dilaksanakan dengan kami memantau platform e-dagang bagi memastikan tiada iklan palsu atau manipulasi harga secara digital," katanya.

Beliau berkata, KPDN telah melaksanakan 2,830 pemeriksaan dengan 34 kes dihasilkan setakat semalam menerusi Ops Pantau 2026 manakala pada tahun lepas, operasi sama melibatkan 70,906 pemeriksaan dan 390 kes.

Azman menyeru orang ramai menjadi mata dan telinga melalui kempen KITA GEMPUR dengan memaklumkan KPDN sekiranya berlaku salah laku berhubung ketidakpatuhan melalui saluran ditetapkan.

"KPDN tidak mengambil mudah sebarang aduan dan menggesa orang ramai untuk terus melaporkan salah laku demi melindungi pengguna," katanya.

Beliau berkata aduan boleh disalurkan menerusi WhatsApp 019-848 8000, pusat panggilan 1-800-886-800, e-mel kepada e-aduan@kpdn.gov.my atau aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN. — Bernama

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 23/2/2026
M/SURAT: 4

# KPDN expands Bazaar Ramadan Rahmah to 11 locations across Sarawak

**MIRI:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has implemented 11 Bazaar Ramadan Rahmah (BRR) locations throughout Sarawak this year as part of its ongoing efforts to help the public access affordable breaking-of-fast meals during Ramadan.

The Sarawak Zone Bazaar Ramadan Rahmah (BRR) walkabout session has commenced at the Permyjaya Ramadan Bazaar here, which is part of the broader Payung Rahmah Madani Programme initiative.

Now entering its fourth year since its introduction on March 27, 2023, the 2026 BRR has expanded to 116 Ramadan bazaar locations nationwide, involving approximately 3,000 traders – an increase from 80 locations in 2023 and 103 locations in 2024.

In Sarawak, the 11 BRR locations implemented in collaboration with local authorities are Permyjaya Ramadan Bazaar in Miri; Stutong Ramadan Bazaar and Satok Ramadan Bazaar in Kuching; Taman Komuniti Ramadan Bazaar in Serian, Fiesta Ramadan Bazaar Sri Aman (in front of the Old Hospital), Sarikei Central Market Parking Lot Ramadan Bazaar, Farley Parking Lot Ramadan Bazaar in Sibu, Setia Raja Ramadan Bazaar in Mukah, Taman Koridor Sejarah dan Kebudayaan Ramadan Bazaar in Bintulu, Lawas Square Ramadan Bazaar, and Parking Lot 777 Mara Ramadan Bazaar in Limbang.

At these locations, participating traders are offering Rahmah Meals priced at RM5 and below as additional menu items to ensure low-income groups can enjoy balanced and affordable meals.



Rohaizi (fourth right) and Matthew (third right) jointly perform the ribbon-cutting ceremony to launch the Permyjaya Ramadan Bazaar.

The state-level launch was officiated by KPDN Business Development, Corporate and Direct Sales Division secretary Datuk Rohaizi Bahari last Saturday.

According to Rohaizi, the 11 BRR locations in Sarawak aim to widen access to affordable food throughout Ramadan, with the state-level launch in held in Miri.

"At this location alone, there are about 80 traders, with approximately 15 of them offering Rahmah Meals priced at RM5 and below.

"Although there has been an increase in the prices of goods, there is still room for traders to provide Rahmah menu options at reasonable prices to assist the public," he said.

Rohaizi expressed appreciation to traders who had collaborated with the ministry in ensuring the success of the initiative and encouraging the public to continue supporting local vendors.

In addition to enhancing access to affordable food, the government has strengthened the implementation of the Ihsan Food Bank (i-FB), a rebranding and transformation of the MySaveFood initiative.

The i-FB initiative is based on the 3S concept—Support the Community, Save the Environment, and Save Food – by rescuing surplus food for redistribution to those in need.

Meanwhile, KPDN is conducting regular monitoring under 'Ops Pantau 2026' to ensure compliance with price-tagging regulations and ethical business practices throughout Ramadan.

According to Rohaizi, to date the ministry has not received any complaints regarding the Rahmah Ramadan Bazaars in the state.

He encouraged consumers to make informed purchasing by checking prices and cleanliness before buying and urged them to lodge complaints through KPDN's official channels should traders fail to display price tags or violate stipulated conditions.

"I hope the public would refrain from immediately spreading such matters on social media and instead report them to the ministry first to enable appropriate action to be taken," he said.

Also present was KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 23/2/2026
M/SURAT: 6

# KPDN laksana 11 Bazar Ramadan Rahmah di Sarawak, tawar juadah bawah RM5

**MIRI:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan sebanyak 11 lokasi Bazar Ramadan Rahmah (BRR) diseluruh Sarawak tahun ini sebagai usaha berterusan membantu rakyat mendapatkan juadah berbuka puasa pada harga berpatutan sepanjang Ramadan.

Sesi Walkabout Bazar Ramadan Rahmah (BRR) Peringkat Zon Sarawak dimulakan di Bazar Ramadan Permyjaya di sini, yang merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH MADANI bagi menangani kos sara hidup rakyat.

Memasuki tahun keempat pelaksanaannya sejak diperkenalkan pada 27 Mac 2023, BRR tahun 2026 diperluaskan ke 116 lokasi bazar Ramadan di seluruh negara dengan penglibatan kira-kira 3,000 peniaga, berbanding 80 lokasi pada 2023 dan 103 lokasi pada 2024.

Bagi Sarawak, sebelas lokasi BRR yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) ialah Bazar Ramadan Permyjaya, Miri; Bazar Ramadan Stutong dan Bazar Ramadan Satok di Kuching; Bazar Ramadan Taman Komuniti, Serian; Fiesta Bazar Ramadan Sri Aman (hadapan Hospital Lama); Bazar Ramadan Tempat Letak Kereta Pasar Sentral Sarikei; Bazar Ramadan Tempat Letak Kereta Farley, Sibu; Bazar Ramadan Setia Raja, Mukah; Bazar Ramadan Taman Koridor Sejarah dan Kebudayaan, Bintulu; Bazar Ramadan Dataran Lawas serta Bazar Ramadan Parking Lot 777 MARA, Limbang.

Di semua lokasi berkenaan, peniaga menawarkan Juadah RAHMAH pada harga RM5 dan ke bawah sebagai menu tambahan, khusus bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dapat menikmati juadah seimbang dan mampu beli.

Majlis pelancaran peringkat Sarawak disempurnakan Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan, Syarikat dan Jualan Langsung KPDN Datuk Rohaizi Bahari, petang kelmarin.

Menurut Rohaizi, di Sarawak sahaja sebanyak 11 lokasi BRR dilaksanakan tahun ini, dengan pelancaran negeri diadakan di Parlimen Miri.

"Di lokasi ini sahaja, terdapat kira-kira 80 peniaga dan sekitar 15 daripadanya menawarkan Juadah Rahmah pada harga RM5 dan ke bawah.

"Walaupun terdapat kenaikan harga barang, masih ada ruang untuk peniaga menyediakan menu Rahmah pada harga berpatutan demi membantu rakyat," katanya kepada pemberita.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua peniaga yang bersama-sama kementerian menjayakan inisiatif tersebut dan menggesa orang ramai supaya terus menyokong peniaga tempatan.

Selain memastikan akses kepada makanan mampu beli, kerajaan turut memperkukuh pelaksanaan Ihsan Food Bank (i-FB) yang merupakan transformasi semula inisiatif MySaveFood.

Pelaksanaan i-FB berteraskan konsep 3S iaitu Santuni Komuniti, Sayangi Alam dan Selamatkan Makanan dengan menyelamatkan lebihan makanan untuk diagihkan kepada golongan memerlukan.

Dalam pada itu, KPDN melaksanakan pemantauan berkala menerusi OPS PANTAU 2026 bagi memastikan pematuhan tanda harga dan amalan perniagaan beretika sepanjang Ramadan.

Setakat ini, jelas Rohaizi, pihaknya belum menerima sebarang aduan berkaitan bazar Ramadan Rahmah di negeri ini.

Bagaimanapun, beliau menggalakkan pengguna supaya bijak membuat pilihan dengan meneliti harga dan aspek kebersihan sebelum membeli.

"Sekiranya terdapat peniaga yang tidak meletakkan tanda harga atau melanggar syarat ditetapkan, pengguna boleh membuat aduan melalui saluran rasmi KPDN.

"Saya harap orang ramai tidak terus menularkan perkara di media sosial, sebaliknya adukan dahulu kepada pihak kementerian bagi memudahkan tindakan diambil," tegasnya.

Turut hadir Pengarah KPDN Negeri Sarawak Matthew Dominic Barin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Op Pantau 2026

# KPDN mobilises over 2,400 enforcement officers

**PUTRAJAYA**: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has deployed more than 2,400 enforcement officers nationwide under Op Pantau 2026 to monitor high-traffic areas and prevent price manipulation or supply disruptions throughout Ramadan and leading up to Aidilfitri.

The operation, spearheaded by KPDN's Enforcement Division, runs from Feb 19 to March 20 and aims to ensure a stable and fair trading ecosystem, with monitoring efforts concentrated at Ramadan and Aidilfitri bazaars, public markets, supermarkets and farmers' markets.

KPDN Enforcement director-general Datuk Azman Adam said Op Pantau 2026 focuses on three key aspects, namely compliance with price-tag regulations, price and supply stability, and the visible presence of enforcement officers in the field.

On price-tag compliance, he said Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Armizan Mohd Ali had warned that action would be taken within 24 hours against traders who fail to display clear and accurate price tags, stressing that such compliance is mandatory.

"In terms of price and supply stability, there have been no widespread reports of excessive price hikes or serious supply shortages so far. However, close monitoring continues to prevent profiteering," he told Bernama.

Azman said the omnipresence of enforcement officers at strategic and high-density locations is intended to ensure traders adhere to regulations and maintain ethical business practices."The physical presence of our officers not only reassures consumers but also serves as a firm reminder to traders to conduct business responsibly," he said.

